



KENYATAAN MEDIA

BEKALAN BAHAN MAKANAN MENCUKUPI SEPANJANG MUSIM PERAYAAN DAN HARGA KEKAL BERPATUTAN

1. Hasil kerjasama erat di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah memastikan bekalan bahan makanan utama mencukupi dan harga kekal berpatutan sepanjang musim perayaan.
2. Seperti jaminan yang telah saya berikan pada bulan lepas, bekalan bahan makanan utama seperti daging, ayam, telur, ikan, kelapa, sayur-sayuran dan buah-buahan telah mencukupi untuk memenuhi keperluan pengguna sepanjang musim perayaan kali ini.
3. Sepanjang 30 hari pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) yang telah dilaksanakan bermula 21 Mei sehingga hari ini, tiada laporan diterima mengenai isu kekurangan bekalan bahan makanan atau isu peningkatan harga mendadak bagi makanan di pasaran negara.
4. Harga bekalan makanan telah kekal terkawal dan munasabah pada musim perayaan kali ini. Seperti yang kita sedia maklum, harga bekalan makanan yang terkawal itu disumbangkan oleh faktor bekalan yang mencukupi.
5. Anggaran jumlah permintaan bahan makanan utama bagi tempoh musim perayaan kali ini adalah seperti berikut:
 - Daging lembu dan kerbau (tempatan dan import) sebanyak **12,000** metrik tan;
 - Daging ayam sebanyak **128,000** metrik tan;
 - Telur ayam sebanyak **676** juta biji;
 - Ikan (pelbagai spesis) sebanyak **107,000** metrik tan;
 - Ikan Segar Beku QFish (pelbagai spesis) sebanyak **15** metrik tan;
 - Kobis bulat sebanyak **9,600** metrik tan; dan
 - Kelapa biji sebanyak **34,600,000** biji.

6. Jualan Jimat Belanja Aidilfitri anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di beberapa pasar tani terpilih seluruh negara juga telah membantu rakyat untuk mendapatkan bekalan makanan pada harga yang berpatutan. Program jualan khas ini telah berlangsung selama lima hari sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri dan telah melibatkan 398 buah daripada 757 buah pasar tani seluruh negara.
7. Selain itu, kawalan ketat di pintu sempadan negara yang telah mengelakkan penyeludupan bekalan makanan juga antara faktor yang memastikan kurangnya gangguan kepada bekalan bahan makanan negara.
8. Pada awal bulan ini, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di bawah MOA telah berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk keratan ayam sejuk beku dari loji penyembelihan di Thailand yang tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa.
9. MAQIS Johor juga telah menumpaskan satu cubaan membawa masuk dan mengimport 19 kotak daging lembu sejuk beku yang dipercayai dari Amerika Syarikat tanpa sebarang dokumen yang sah pada bulan lepas.
10. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri KPDNHEP, bekalan yang mencukupi serta pemantauan berterusan pegawai penguatkuasa KPDNHEP telah memastikan tiada berlakunya keputusan bekalan di pasaran sekaligus memastikan harga kekal berpatutan. MOA dan KPDNHEP akan terus bekerjasama untuk memastikan bekalan makanan mencukupi dan harga kekal berpatutan.

**YB DATO' SALAHUDDIN AYUB
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
19 JUN 2019**

MAKLUMAT TAMBAHAN

BEKALAN DAN PERMINTAAN BAHAN MAKANAN UTAMA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2019

BIL.	KOMODITI AGROMAKANAN	BEKALAN	PERMINTAAN
1.	Daging Ayam	142,000 MT	128,000 MT
2.	Telur ayam Gred A, B dan C	800,000,000 biji	676,000,000 biji
3.	Daging lembu tempatan termasuk kerbau	9,000 MT	12,000 MT
4.	Daging lembu import termasuk kerbau	15,000 MT	
5.	Kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing)	9,600 MT	9,600 MT
6.	Tomato	23,500 MT	23,500 MT
7.	Kelapa biji	34,600,000 biji	34,600,000 biji
8.	Bawang merah kecil import (India)	4,300 MT	4,300 MT
9.	Bawang besar import	33,800 MT	33,800 MT
10.	Bawang putih import (China)	10,000 MT	10,000 MT
11.	Ubi kentang import (China)	11,500 MT	11,500 MT
12.	Ikan kembung	4,500 MT	4000 MT
13.	Ikan selayang	7,000 MT	5500 MT
14.	Ikan aya atau tongkol	8,000 MT	8500 MT

15.	Ikan demuduk atau sagai atau cermin atau cupak	500 MT	240 MT
16.	Ikan Segar Beku QFish	145 MT	15MT

**MAKLUMAT SENARAI CADANGAN
BARANGAN HARGA KAWALAN SHMMP HRP 2019 OLEH
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)**

BIL.	KOMODITI AGROMAKANAN
1.	Ayam hidup
2.	Ayam standard (disembelih dan dibersihkan beserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya)
3.	Ayam Super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)
4.	Telur ayam Gred A (berat antara 65.0 gram hingga 69.9 gram sebiji)
5.	Telur ayam Gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebiji)
6.	Telur ayam Gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebiji)
7.	Daging lembu tempatan (dikawal di Semenanjung sahaja)
8.	Daging lembu import (dikawal di Sarawak sahaja)
9.	Daging kerbau import (India)
10.	Kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing)
11.	Tomato
12.	Kelapa biji (dikawal di peringkat borong sahaja)
13.	Kelapa parut (dikawal di peringkat runcit sahaja)
14.	Bawang merah kecil (India)
15.	Bawang besar import

16.	Bawang putih (China)
17.	Ubi kentang import (China)
18.	Ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram)
19.	Ikan selayang (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram)
20.	Ikan aya atau tongkol (berat antara 1 ekor hingga 2 ekor setiap kilogram) (dikawal di Pahang, Terengganu dan Kelantan sahaja)
21	Ikan demuduk atau sagai atau cermin atau cupak (berat antara 3 ekor hingga 5 ekor setiap kilogram) (dikawal di Sabah sahaja)
22	Ikan Segar Beku QFish

RAMPASAN DAGING LEMBU DAN KERATAN AYAM IMPORT YANG TIDAK SAH SEPANJANG MUSIM PERAYAAN

21 Mei 2019 – MAQIS Johor telah menumpaskan satu cubaan membawa masuk dan mengimport 19 kotak Daging Lembu sejuk beku yang dipercayai dari negara USA dengan anggaran kuantiti 293 Kg dengan anggaran bernilai RM7,325 tanpa sebarang dokumen yang sah seperti permit import (IP) yang dikeluarkan oleh Jabatan MAQIS, tiada sijil kesihatan, tiada sijil halal dari badan halal yang diiktiraf dari negara pengeksport dan tanpa dokumen ikrar perdagangan yang sah.

1 Jun 2019 – MAQIS Padang Besar telah menumpaskan satu cubaan membawa masuk keratan ayam sejuk beku dari loji penyembelihan ayam di Thailand yang tidak iktiraf oleh pihak berkuasa dan tidak mematuhi syarat-syarat import yang telah ditetapkan. Anggaran keratan ayam sejuk beku tersebut adalah 60,000 kg dengan nilai RM 500,000.00

Perbuatan mengimport tanpa mempunyai suatu permit import yang sah dari (MAQIS) adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah seksyen 11(3), akta yang sama. Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya.